

# Dalam mencari kebenaran

Oleh Ismail Jusoh

SEKOLAH BAHASA DAN PEMIKIRAN  
SAINTIFIK UUM

A.A.A. Mauddudi, seorang ahli fikir Islam pernah menyatakan, setiap kita akan melihat alam yang kita hidup ini, adalah alam yang tersusun rapi. Di sana wujudnya undang - undang dan peraturan *law and order* pada setiap unit yang membentuk alam ini. Segala-galanya mempunyai tempat tersendiri dalam satu skema yang luas yang bergerak dan bekerja dengan cara yang paling tersusun rapi.

Matahari, bulan dan bintang bahkan seluruh anggota alam adalah saling bergantung antara satu sama lain dalam sistem alam yang amat saintifik ini. Semuanya mengikut dan tunduk dengan patuh pada hukum-hukum dan undang-undang yang tak berubah-ubah ini serta tidak pernah membuat sedikit kesilapan daripada hukum atau undang-undang ini.

Bumi berputar dan beredar mengelilingi matahari mengikut lorongnya *path* yang telah ditentukan oleh Allah untuknya. Begitu juga segala-galanya yang lain di alam ini. Dari elektron yang kecil membawa kepada galaksi *universe* yang besar, mengikut undang-undang dan hukum yang telah ditetapkan. Benda-benda, tenaga dan kehidupan seluruhnya, pun begitu juga, turut tunduk dan patuh kepada hukum-hukum. Semuanya berkembang, berubah hidup dan mati.

Undang - undang alam memainkan peranan yang dan ini jelas kelihatan, termasuk dalam diri manusia. Kelahirannya, petumbuh - besarannya serta kehidupannya segala-galanya dikawal rapi oleh susunan undang-undang biologiikal.

Semua organ badannya, dari tisu yang kecil kepada jantung dan otak adalah dikawal oleh hukum dan undang-undang yang telah ditentukan oleh yang berkuasa. Dengan perkataan lain, manusia adalah sebahagian dari peraturan alam *a law governed universe* yang segala-galanya patuh dan tunduk pada hukum dan undang - undang yang telah ditetapkan oleh penciptanya.

Namun sebenarnya manusia memiliki kedudukan yang berbeza kerana ia dibentuk dari dua aspek kehidupan yang membezakan gerakannya. Pertama, ia secara totalnya terpaksa tunduk dan patuh kepada undang - undang alam

*nature* dan tidak dapat melarikan diri walau seinci pun. Tidak juga ia mampu mengelakkan dirinya walau dalam bentuk yang bagaimana sekalipun.

Dalam aspek ini, ia seperti juga makhluk-makhluk lain, secara sempurna terperangkap dalam peraturan alam *law of nature* dan ia dipaksakan untuk mematuhi.

Namun, manusia juga mempunyai medan yang kedua, iaitu pemikiran dan *intellect*. Manusia mempunyai tenaga untuk berfikir dan membuat penilaian, berkuasa memilih dan menolak, mengambil dan membuang. Dia bebas memilih kehidupannya sendiri. Bebas juga memilih apa juga kepercayaannya. Bebas mengikut cara hidupnya sendiri berdasarkan ideologi yang disukainya.

Dia juga boleh menyediakan *code of conduct*nya sendiri ataupun menerimanya dari orang lain. Kebolehan ini wujud kerana ia telah dianugerahkan dengan kemampuan serta kebolehan untuk membentuk gerak lakunya. Dan dalam medan yang kedua ini, manusia berbeza dari yang lain, diberi kebebasan berfikir, memilih dan bertindak.

Kini manusia mempunyai pengetahuan yang sudah menjadi suatu realiti. Ia sudah mengakui kuasa yang menganugerahkannya tenaga untuk belajar dan mengetahui sesuatu ilmu. Kini pemikiran dan penilaiannya sudah menjadi benar, hasil pemerhatian, penyediaan dan kajian yang sistematik, objektif, dengan kaedah yang tersusun rapi. Hasilnya ada yang abadi, boleh diuji dan dinilai. Semua ini berbentuk universal dan diterima oleh manusia sejagat.

Sekarang, seluruh hidup manusia dibina dari kebenaran, sama ada aspek *voluntary* atau *involuntary* dalam semua medan kehidupan.

Kini sesuatu itu:-

- Dikaji
- Diselidik
- Dipelajari

• Diperhati menggunakan kaedah saintifik, yang universal, kemudian hasilnya diuji, dinilai kesahihannya untuk kebaikan manusia sejagat.

UUM  
UUM/AA60/UM/29-03.1988/M-P

UUM  
29/3/88

J. repo